

BERITA

- > Berita Utama
- > Dalam Negeri
- > Politik
- > Luar Negara
- > Sukan
- > Bisnes
- > Laporan Saham
- > Mahkamah
- > Jenayah
- > Rencana
- > Bicara Agama
- > Forum

GAYA HIDUP

- > Hiburan
- > Keluarga
- > Rancangan TV
- > Pendidikan
- > Sains & Teknologi
- > Kesihatan
- > Polis & Tentera
- > Sastera

CAPAIAN LAIN

- > Portal Pendidikan
- > Kosmo! Online
- > Manga Online
- > Kareer
- > Raggi
- > Utusan Karya
- > Rampai Iklan

LAMAH KHAS



KOMUNITI



KORPORAT

THP sasar tingkat bank tanah dua kali ganda

KUALA LUMPUR 24 Mei – TH Plantations Bhd. (THP) menetapkan sasaran untuk meningkatkan bank tanahnya sebanyak dua kali ganda kepada 32,000 hektar untuk menjadi sebuah syarikat perladangan bersaiz sederhana menjelang 2009.

Pengarah Urusannya, Datuk Rashidi Omar berkata, THP kini hampir mencapai sasaran itu dengan pengambilan alih ladang kelapa sawit seluas 10,390 hektar milik Zecon Plantation Sdn. Bhd. dan usaha sama dengan Yayasan Terengganu bagi membangunkan ladang komoditi itu seluas 2,595 hektar di Setiu.

Menurut beliau, dengan pengambilan alih ladang kelapa sawit Zecon Plantation, bank tanah THP telah meningkat daripada 15,646 hektar kepada 26,136 hektar.

“Dengan pertambahan 12,985 hektar bank tanahnya kepada 28,731 hektar THP semakin mencapai sasaran untuk menjadi syarikat perladangan bersaiz sederhana,” katanya pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Agung Tahunan THP, di sini hari ini.

Rashidi berkata, daripada 28,731 hektar tanah yang dimiliki itu, sebanyak 15,389 hektar tanah di Pahang, Johor, Negeri Sembilan dan Terengganu telah ditanami dengan kelapa sawit.

Ketika ditanya sama ada THP berminat membeli ladang kelapa sawit, Rashidi berkata, buat masa ini tidak ada syarikat yang berminat untuk menjual ladang kelapa sawit berikutan harga minyak mentah sawit (MSM) yang melambung pada masa ini.

Pada masa ini harga pasaran MSM mencecah antara RM2,350 setan dan RM2,400 setan.

Menurut Rashidi, THP berminat membeli ladang-ladang kelapa sawit milik syarikat induknya iaitu Lembaga Tabung Haji (LTH) memandangkan THP kini menjadi agen pengurus bagi ladang-ladang LTH di Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak serta di Indonesia.

“Bagaimanapun, kami perlu realistik terutama ketika harga MSM meningkat sekarang, tidak ada syarikat akan menjual ladang mereka,” ujar beliau.

Katanya, THP akan meninjau peluang untuk membeli ladang kelapa sawit, jika harga MSM merosot pada masa depan.

THP yang baru disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia pada 27 April tahun lalu mencatat keuntungan bersih sebanyak RM35.7 juta daripada perolehan sebanyak RM120.7 juta bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2006.

Pengerusi THP, Tan Sri Dr. Yusof Basiron berkata, syarikat itu yakin mengekalkan keuntungan yang lebih baik sekiranya harga MSM sekarang terus kekal.

Menurut Dr. Yusof, THP telah mengunjurkan harga MSM sebanyak RM1,600 bagi setiap tan pada tahun ini tetapi harga MSM telah melonjak kepada paras RM2,400 setan sehingga April lalu.

Beliau yakin harga komoditi itu mampu meningkat lagi berikutan pengurangan besar dalam pengeluaran minyak kacang soya di Amerika Syarikat.

Katanya, peladang di negara tersebut menanam lebih banyak jagung menggantikan kacang soya memandangkan jagung boleh mengeluarkan ethanol (biofuel) yang amat menguntungkan dan menyebabkan pengeluaran minyak soya semakin berkurangan.

“Sekiranya terdapat pengurangan minyak kacang soya di pasaran dunia, minyak sawit adalah gantian yang baik,” kata beliau.